



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
(234432-H)

IKIM/D700-2

Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat

No.Semakan: 0

Mukasurat 1/8

DASAR PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
(234432-H)

IKIM/D700-1/2/1

Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat

No.Semakan: 0

Mukasurat 2/8

1. PENGENALAN

Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat IKIM (*Whistle Blowing Policy*) ini mengandungi keterangan-keterangan bagi melindungi pemberi maklumat yang terdiri daripada pegawai dan warga kerja atau pihak berkepentingan IKIM yang melaporkan kes-kes tatakelakuan, jenayah atau kelakuan tidak wajar individu dan/atau sekumpulan individu dalam IKIM yang melanggar Dasar, Pekeliling dan Peraturan Institut Kefahaman Islam Malaysia yang berkuatkuasa.

2. OBJEKTIF

2.1. Objektif utama dasar ini adalah seperti berikut:

- 2.1.1. Memastikan maklumat yang disalurkan oleh pemberi maklumat adalah benar dan jujur;
- 2.1.2. Menggalakkan warga kerja dan pihak berkepentingan IKIM melaporkan kelakuan tidak wajar dengan segera dan penuh tanggungjawab mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan;
- 2.1.3. Jaminan kepada perlindungan maklumat dan identiti pemberi maklumat yang menyalurkan maklumat dengan 'suci hati' (*good faith*) tanpa sikap prejudis dan peribadi.
- 2.1.4. Sebagai usaha dan komitmen IKIM ke arah menangani salah laku dan menggalakkan tadbir urus korporat dengan berkesan.

3. TAKRIF

3.1. Takrif dan terma yang diguna pakai dalam dasar ini membawa maksud seperti berikut:

Agensi penguatkuasa undang-undang	Agensi Kerajaan yang mempunyai fungsi dan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan lain-lain.
Bahan bukti	Bahan dan dokumen sokongan yang perlu diserahkan oleh pemberi maklumat sama ada dalam bentuk audio, gambar, dokumen bertulis, dokumen digital ataupun apa-apa bahan dalam mana-mana bentuk dan medium yang Unit Integriti dan Pematuhan (UNIP) rasakan sesuai.
Laporan salah laku	Sebarang laporan atau maklumat berkaitan salah laku yang jika terbukti, boleh menjadi suatu kesalahan jenayah atau kesalahan tata tertib.
Panel Siasatan	Jawatankuasa yang dilantik bagi menyiasat sesuatu aduan dan terdiri daripada ahli yang tidak mempunyai kepentingan dalam perkara yang disiasat.



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
(234432-H)

IKIM/D700-1/2/1

Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat

No.Semakan: 0

Mukasurat 3/8

Pihak berkepentingan IKIM	Mana-mana pihak berkaitan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada kontraktor, pembekal atau orang awam yang terlibat dengan perkhidmatan IKIM.
Pemberi Maklumat	Seseorang atau kumpulan orang yang membuat laporan atau memberi maklumat berkaitan salah laku kepada Pegawai Diberi Kuasa.
Pegawai Diberi Kuasa	Pegawai Penerima Maklumat yang diberi kuasa ialah Pegawai Siasatan yang juga Ketua UNIP. Pengerusi Lembaga Pengarah turut disalin bagi sebarang aduan yang disalurkan melalui ini.
Rasuah	Apa-apa manfaat yang ditawarkan / diberi / diminta / diterima dalam apa-apa bentuk sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu yang ada kaitan dengan urusan rasmi IKIM sepertimana maksud dalam Akta SPRM 2009.
Salah guna kuasa	Menggunakan jawatan atau kedudukan rasmi untuk manfaat diri sendiri atau saudara atau sekutu.
Salah laku	Apa-apa kelakuan tidak wajar yang bertentangan dengan undang-undang atau dasar, peraturan dan prosedur IKIM.
Saudara	Tafsiran Saudara adalah sepertimana maksud di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
Sekutu	Tafsiran Sekutu adalah sepertimana maksud di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
Pegawai dan Warga kerja IKIM	Seseorang yang dilantik bekerja untuk IKIM sama ada secara tetap, pinjaman, sementara, kontrak atau sambilan.

4. SIAPAKAH YANG BOLEH MEMBERI MAKLUMAT ATAU MENDEDAHKAN KELAKUAN TIDAK WAJAR DI IKIM?

Pemberian maklumat atau pendedahan kelakuan tidak wajar boleh dibuat oleh pegawai dan warga kerja IKIM serta pihak berkepentingan IKIM.

5. APA PERKARA YANG BOLEH DIDEBAHKAN?

5.1. Antara pendedahan kelakuan tidak wajar yang boleh dibuat adalah seperti berikut:

- 5.1.1. Rasuah dan penipuan;
- 5.1.2. Gangguan seksual;
- 5.1.3. Kesalahan jenayah di bawah undang-undang;



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
(234432-H)

IKIM/D700-1/2/1

Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat

No.Semakan: 0

Mukasurat 4/8

- 5.1.4. Penyalahgunaan dana atau aset IKIM;
 - 5.1.5. Salah guna kuasa di IKIM;
 - 5.1.6. Penyelewengan kewangan atau pelanggaran serius peraturan kewangan IKIM;
 - 5.1.7. Kesalahan tata tertib;
 - 5.1.8. Tindakan berbahaya/pengabaian yang menggugat kesihatan dan keselamatan di IKIM;
 - 5.1.9. Tindakan sengaja mengarah atau menasihati seseorang untuk melakukan mana-mana satu daripada perkara di atas; dan
 - 5.1.10. Lain-lain tindakan tidak wajar yang boleh menjejaskan imej IKIM.
- 5.2. Pendedahan hendaklah dibuat dengan "suci hati" berdasarkan kepada "kejujuran dan alasan yang munasabah pada masa itu". Bagi melicinkan proses siasatan, perkara yang ingin didedahkan haruslah lengkap mengandungi butiran 5W 1H seperti berikut:
- 5.2.1. Bila kejadian berlaku (*when*);
 - 5.2.2. Di mana kelakuan tidak wajar dilakukan (*where*);
 - 5.2.3. Siapa yang terlibat (*who*);
 - 5.2.4. Apakah kelakuan tidak wajar yang dilakukan (*what*);
 - 5.2.5. Kenapa kelakuan tidak wajar dilakukan (*why*);
 - 5.2.6. Bagaimana kelakuan tidak wajar dilakukan (*how*);
 - 5.2.7. Asas kebimbangan; dan
 - 5.2.8. Dokumen yang terlibat serta lain-lain yang berkaitan.
- 5.3. Semua laporan salah laku adalah diklasifikasikan sebagai dokumen SULIT. Kandungan laporan atau pemberi maklumat tidak boleh didedahkan oleh mana-mana pihak kecuali panel siasatan untuk tujuan siasatan, penilaian dan membuat keputusan. Walau bagaimanapun, identiti pemberi maklumat tidak akan dinyatakan dalam apa-apa dokumen dan pernyataan.
- 5.4. Pemberi maklumat adalah sama sekali dilarang untuk mendedahkan apa-apa butiran laporan salah laku yang dibuat olehnya kepada mana-mana pihak lain melainkan barisan panel dilantik dalam siasatan ini.



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
(234432-H)

IKIM/D700-1/2/1

Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat

No.Semakan: 0

Mukasurat 5/8

6. BILA DAN BAGAIMANA PROSEDUR PEMBERIAN MAKLUMAT ATAU PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR DIBUAT?

- 6.1 Pemberi maklumat perlu melaporkan dalam tempoh yang dirasakan munasabah sesuatu salah laku yang dipercayai telah, sedang atau akan berlaku di IKIM.
- 6.2 Pemberi maklumat yang hendak melaporkan kelakuan tidak wajar perlulah mengemukakan keterangan yang jelas dan identiti pemberi maklumat seperti berikut:
 - 6.3.1. Nama;
 - 6.3.2. No. Kad Pengenalan;
 - 6.3.3. Talian untuk dihubungi - Emel/ Telefon Pejabat/ Telefon Bimbit/ Rumah;
 - 6.3.4. Jawatan dalam Organisasi;
 - 6.3.5. Keterangan tentang salah laku dan identiti pihak yang terlibat;
 - 6.3.6. Keterangan tentang bagaimana salah laku dilakukan berserta dengan pernyataan tempat, tarikh dan masa kejadian; dan
 - 6.3.7. Penyertaan keterangan yang berkaitan sama ada dokumen atau lain-lain perkara yang boleh menjadi bahan bukti.
- 6.3 Laporan yang dibuat tanpa butiran identiti Pemberi Maklumat, atau laporan yang identiti pemberi maklumatnya tidak dapat disahkan, atau laporan yang dibuat melalui surat layang bagi sebarang tindakan yang akan diambil, jika ada, ke atas laporan salah laku sebegini akan ditentukan bergantung kepada kebolehpercayaan dan ketepatan kandungan laporan.
- 6.4 Pegawai Penyiasat boleh meminta Pemberi Maklumat tampil secara bersemuka (mengikut keadaan yang bersesuaian) untuk mendapatkan maklumat atau keterangan yang lebih lanjut mengenai laporan aduan yang disalurkan.
- 6.5 Pemberi maklumat digalakkan untuk membuat pelaporan melalui kaedah-kaedah berikut:
 - 6.5.1 Berjumpa atau berhubung dengan Ketua Unit Integriti dan Pematuhan (UNIP); atau/dan
 - 6.5.2 Menghubungi talian telefon Ketua UNIP di 03-6204 6348; atau/dan
 - 6.5.3 E-mel rasmi whistleblower@ikim.gov.my; atau/dan
 - 6.5.4 Pos (sampul bertutup) atau serahan tangan kepada

Ketua Unit Integriti dan Pematuhan,
Institut Kefahaman Islam Malaysia,
2, Langgak Tunku, Off, Jalan Tuanku Abdul Halim,
50480 Kuala Lumpur



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
(234432-H)

IKIM/D700-1/2/1

Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat

No.Semakan: 0

Mukasurat 6/8

- 6.5.5 Sekiranya melibatkan pegawai atau warga kerja UNIP, pemberi maklumat boleh membuat laporan terus kepada Pengerusi IKIM atau Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib dan Disiplin; dan
- 6.5.6 Sekiranya melibatkan mana-mana Ahli Lembaga Pengarah IKIM atau Jawatankuasa Tatatertib dan Disiplin, maka ahli atau pegawai berkenaan tidak boleh dilibatkan dalam keseluruhan proses siasatan dalaman atau membuat apa-apa keputusan dan tindakan ke atas laporan tersebut. Tugas pegawai tersebut hendaklah diambil alih oleh ahli atau pegawai lain yang terkanan.

7. PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

- 7.1. Bentuk perlindungan kepada pemberi maklumat yang menyalurkan aduan dengan niat 'suci hati' digariskan dalam dua perkara berikut:
 - 7.1.1. Perlindungan pemberi maklumat daripada tindakan tatatertib; dan
 - 7.1.2. Kerahsiaan identiti pemberi maklumat.
- 7.2. Identiti Pemberi maklumat yang membuat laporan dengan niat 'suci hati' hanya akan diketahui oleh Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua UNIP selaku pegawai penyiasat. Sebarang maklumat diperlukan pada asasnya, akan diperolehi daripada Ketua Unit Integriti dan Pematuhan.
- 7.3. Sekiranya perlu dan dengan kebenaran pemberi maklumat, identiti tersebut hanya akan didedahkan kepada mereka yang terlibat dalam penyiasatan tersebut sahaja atau mana-mana proses mengikut keperluan atas dasar 'perlu tahu' sahaja.
- 7.4. Seseorang yang didapati membocorkan identiti atau informasi pemberi maklumat boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan IKIM (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
- 7.5. Seseorang Pemberi Maklumat boleh menyalurkan aduan kepada mana-mana agensi penguatkuasaan yang melaksanakan Akta 711 sekiranya terdapat apa-apa tindakan yang memudaratkan. Tindakan yang memudaratkan termasuklah:
 - 7.5.1. Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
 - 7.5.2. Ugutan atau gangguan fizikal dan mental serta gangguan seksual;
 - 7.5.3. Gangguan terhadap pekerjaan termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, layanan buruk berhubung dengan pekerjaan, atau pengambilan tindakan tatatertib;
 - 7.5.4. Ugutan jenayah;
 - 7.5.5. Apa-apa tindakan yang menyebabkan ketakutan dan ancaman; dan
 - 7.5.6. Ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan di atas.



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
(234432-H)

IKIM/D700-1/2/1

Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat

No.Semakan: 0

Mukasurat 7/8

- 7.6. Kerahsiaan dan perlindungan kepada pemberi maklumat tidak akan terjejas sekiranya laporan salah laku yang dibuat itu tidak membawanya kepada suatu tindakan tatatertib atau pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang.

8. PEMBATALAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

- 8.1. Perlindungan Pemberi Maklumat terbatal sekiranya:
- 8.1.1. Pemberi maklumat mengambil bahagian dalam perlakuan tidak wajar;
 - 8.1.2. Pemberi maklumat dengan sengaja memberi kenyataan palsu;
 - 8.1.3. Pendedahan maklumat dilakukan dengan niat jahat dan kepentingan diri;
 - 8.1.4. Pendedahan maklumat adalah remeh dan menyusahkan;
 - 8.1.5. Pendedahan maklumat tanpa identiti pemberi maklumat, tanpa kebolehsahan identiti pemberi maklumat atau melalui surat layang; dan
 - 8.1.6. Sama ada sebelum atau selepas membuat laporan salah laku, pemberi maklumat telah mendedahkan mana-mana butiran laporan itu kepada mana-mana pihak selain pegawai diberi kuasa atau pihak yang tidak berhak untuk mengetahuinya.
 - 8.1.7. Laporan yang bersifat rungutan peribadi mengenai terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan, penilaian prestasi, pampasan atau lain-lain aspek hubungan kerja individu;
 - 8.1.8. Laporan yang mengandungi maklumat yang dilarang untuk didedahkan oleh undang-undang seperti Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53), Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Akta 758) dan yang seumpamanya; dan
 - 8.1.9. Laporan yang mempersoal dasar Kerajaan atau IKIM.

9. PENGUATKUASAAN

- 9.1. Lembaga Pengarah IKIM berhak meminda, menambah atau mengurangkan mana-mana bahagian yang terkandung dalam dasar ini dari semasa ke semasa.
- 9.2. UNIP bertanggungjawab untuk menyemak dan mengemaskini dasar mengikut keperluan. Mana-mana pindaan yang dicadangkan pada masa hadapan hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengukuhan Integriti dan Pematuhan IKIM sebelum dibawa untuk kelulusan Lembaga Pengarah IKIM.
- 9.3. Dasar ini hendaklah disebar luas kepada semua pegawai dan warga kerja, Ahli Lembaga Pengarah serta pihak berkepentingan IKIM.



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
(234432-H)

IKIM/D700-1/2/1

Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat

No.Semakan: 0

Mukasurat 8/8

10. PEMAKAIAN DAN PENGASINGAN

- 10.1 Dasar ini meliputi semua pegawai dan warga kerja serta pihak berkepentingan IKIM yang mendedahkan salah laku dan penyelewengan;
- 10.2 Dasar ini hendaklah dibaca bersama dengan Peraturan-Peraturan Institut Kefahaman Islam Malaysia (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan mana-mana prosedur yang termaktub di IKIM serta undang-undang di Malaysia;
- 10.3 Dasar ini tidak boleh digunakan sebagai pengganti atau alternatif kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) untuk mendapatkan kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah seperti mana yang diperuntukkan oleh undang-undang;
- 10.4 Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa bentuk dasar dan prosedur pemberi maklumat yang dibuat oleh pihak berkepentingan dengan IKIM hanya boleh bertindak sebagai tambahan kepada dasar ini, dan sekiranya berlaku apa-apa percanggahan, dasar ini akan diguna pakai; dan
- 10.5 Apa-apa terma atau peruntukan dalam dasar ini yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan hendaklah menjadi tidak efektif setakat menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan tanpa pembatalan terma-terma atau peruntukan-peruntukan tersebut.

11. TARIKH KUAT KUASA

Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat ini berkuat kuasa pada tarikh yang ditentukan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah.